

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Bahasa Cina merupakan salah satu bahasa pengantar yang digunakan di Malaysia. Penggunaannya tersebar luas di seluruh dunia. Bahasa ini telah digunakan sebagai satu bahasa pengantar di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Di dunia ini, terdapat 9.4 bilion penduduk menggunakan Bahasa Cina sebagai bahasa ibunda<sup>1</sup> dan merupakan salah satu jenis bahasa yang mempunyai masyarakat pengguna yang teramai iaitu lebih kurang satu per empat daripada penduduk seluruh dunia.<sup>2</sup>

Bahasa Cina mempunyai lebih kurang 6000 tahun sejarahnya.<sup>3</sup> Penggunaannya tidak terbatas oleh masa dan berterusan hingga masa kini. Sejak perkembangan pesat linguistik komparatif pada abad ke-19, terdapat

<sup>1</sup> Zhu Dexi 朱德熙 . "Hanyu 汉语 "dalam *Zhongguo Da Baike Quanshu - Yuyan, Wenzi* 中国大百科全书 -语言, 文字 Beijing 北京, Shanghai 上海 :Penerbit Zhongguo Da Baike Quanshu 中国大百科全书出版社 , 1988: hal.128.

<sup>2</sup> Hu Yongxiu 胡永修 , Gou Jianli 荀建丽 dan Deng Qinrong 邓琴容 . *Xiandai Hanyu Tijie Cidian* 现代汉语题解词典 . Sichuan 四川: Penerbit Kamus Sichuan 四川辞书出版社 , 1990 : hal 4.

<sup>3</sup> *Ibid.*

sarjana-sarjana barat yang tetap dengan pendiriannya menganggap bahasa Cina sebagai bahasa bersendirian dan ketinggalan zaman. Bahasa ini tidak mempunyai kata akar, tidak berupaya membentuk kata majmuk dan tidak mempunyai peraturan tatabahasa.<sup>4</sup> Ada pula yang mengatakan bahasa Cina ialah sejenis bahasa yang primitif.<sup>5</sup> Pada masa yang sama, ahli-ahli linguistik historis komparatif barat membahagikan perkembangan bahasa kepada tiga peringkat, iaitu bahasa isolatif, bahasa aglutinatif dan bahasa infleksi.<sup>6</sup>

Bahasa Cina yang tidak mempunyai akhiran, awalan atau sisipan dianggap sebagai bahasa kuno dan digolongkan dalam kumpulan isolatif. Mereka berpendapat bahawa bahasa infleksi merupakan bahasa yang paling tinggi darjatnya. Maka semakin majunya sesuatu bahasa itu, sifat infleksinya akan bertambah. Oleh itu, bahasa Sanskrit dan bahasa Latin dikatakan sebagai model bahasa. Sikap negatif ini adalah disebabkan oleh pengetahuan cetek terhadap bahasa Cina. Mereka telah

<sup>4</sup> Zhang Guoyang 张国扬 dan Ping Hong 平洪. "Tuifan Hanyu Luohoulun Ba Hanyu Yanjiu Tuixiang Xinjieduan 推翻汉语落后论, 把汉语研究推向新阶段" dalam Yuan Xiaoyuan 袁晓园主编 (ed.). *Hanzi Hanyu Xueshu Yantaohui Lunwenji (2)* 汉字汉语学术研讨会论文集(下). Penerbit Pendidik Ji Lin 吉林教育出版社, 1991: hal. 115.

<sup>5</sup> *Ibid.*

<sup>6</sup> *Ibid.* hal. 116.

mengabaikan prinsip perkembangan bahasa Cina moden. Ini dapat dibuktikan dengan merujuk kepada bahasa Sanskrit dan Latin. Walaupun kedua-dua bahasa ini tinggi darjat infleksinya tetapi penggunaannya semakin pudar, padahal bahasa Cina masih kekal dan diguna secara meluas.

Bahasa Cina digolongkan dalam rumpun bahasa Sino Tibet. Oleh sebab bentuknya bersegi, bahasa ini juga dikenali "方块字" 'fāng kuài zì' (tulisan segiempat). Dari segi bentuk, tulisan Cina telah berubah daripada bentuk gambar kepada "笔画" 'bì huà' (gerakan huruf cina) iaitu menuju ke arah gampang dan lebih mudah ditulis. Sehingga hari ini, terdapat lebih dari 56000 patah perkataan dimasukkan dalam "汉语大字典" 'Hàn yǔ dà zìdiǎn' (Kamus Besar Bahasa Han) <sup>7</sup> tetapi hanya 6000 hingga 7000 patah perkataan yang selalu digunakan<sup>8</sup>.

Tulisan-tulisan Cina yang ringkas boleh dibentuk dengan hanya menggunakan satu atau dua gerakan sehingga kepada yang lebih kompleks yang memerlukan lebih daripada tiga puluh gerakan.<sup>9</sup> Walau bagaimanapun semua tulisan

---

<sup>7</sup> Hu Yongxiu, Gou Jianli, Deng Qingrong. *Op. Cit*, hal. 11.

<sup>8</sup> Ibid dan Zhou Zumo 周祖謨. "Hanzi 汉字" dalam **Zhongguo Da Baike Quanshu -Yuyan , Wenzi**. Beijing, Shanghai: Penerbit Zhongguo Da Baike Quanshu, 1988: hal. 196.

<sup>9</sup> Zhang Zhigong 张志公, Jiang Zhongren 蒋仲仁. "Hanyu jiaoxue 汉语教学" dalam **Zhongguo Da Baike Quanshu -Yuyan , Wenzi**. Beijing, Shanghai: Penerbit Zhongguo Da Baike Quanshu, 1988: hal.153.

Cina hari ini dibentuk dengan menggunakan lapan jenis "笔画" 'bíhuà' (gerakan huruf-huruf Cina) seperti berikut :

i)	点	dian	(titik)
ii)	横	héng	(Gerakan mendatar)
iii)	竖	shù	(Gerakan tegak)
iv)	撇	piē	(Gerakan jatuh kiri)
v)	捺	nà	(Gerakan jatuh kanan)
vi)	提	tí	(Gerakan meningkat)
vii)	折	zhé	(Gerakan belok)
viii)	钩	gōu	(Gerakan sangkut) <sup>10</sup>

Melalui pemerhatian Tong Sem Ting (1992)<sup>11</sup> terhadap pelajar-pelajar Melayu yang belajar bahasa Cina di Universiti Kebangsaan Malaysia, beliau mendapati banyak pelajar Melayu menghadapi masalah dalam sebutan bahasa Cina, penjodoh bilangan, tatabahasa dan pertandaharaan kata.

Kesukaran dalam pembelajaran bahasa Cina bukan sahaja dihadapi oleh kaum bukan Cina sahaja malah kaum Cina juga, tetapi jika seseorang itu dapat memperolehi

<sup>10</sup> Hu Yongxiu, Gou Jianli, Deng Qingrong. *Op. Cit.* hal 113.

<sup>11</sup> Tong, Sem Ting 钟秋生, "Malai Xuesheng Zhai Hanyu Xuexi Zhong Suo Miandui De Nanti Chutan 马来学生在汉语学习中所面对的难题初探" dalam Tong, Sem Ting dan Ng, Pek Hoon. *A Collection Of International Chinese Seminar Papers*. Petaling Jaya: Academia Press. 1992: hal .99-102.

pengetahuan Sinografi dan tulisan kuno serta berusaha memahami masalah yang dihadapi dalam proses pembelajaran bahasa Cina, semua pelajar tentu akan tertarik oleh bahasa Cina yang unik dan indah itu. Sebaliknya jika pelajar hanya menerima dan menghafal segala yang diajar tanpa sebarang makna, maka lebih baik seseorang itu hanya belajar perkataan Cina dalam bentuk tulisan rumi melalui kaedah sistem "拼音" 'pīnyīn'. Kalau begitu, sifat keindahan yang tersembunyi dalam satu-satu patah perkataan itu akan hilang keistimewaannya. Bentuk tulisan Cina yang terletak pada "形" 'xíng' (bentuk), "音" 'yīn' (bunyi) dan "义" 'yì' (makna) pada satu-satu patah perkataan itu akan luput.<sup>12</sup>

## 1.2 Penyataan Masalah

Di Malaysia, bahasa Cina bukan sahaja dibelajar dan dimonopoli oleh kaum Cina sahaja. Menurut Timbalan Menteri Pendidikan, Dr. Fong Chan Onn, pada zaman 70an, sebanyak 480 ribu pelajar belajar di sekolah rendah Cina dan jumlah ini bertambah kepada 680 ribu pelajar pada awal zaman 1990an dan 12 ribu orang daripadanya adalah

---

<sup>12</sup> Ng, Pek Hoon, "Penggunaan Sinografi dan Tulisan Kuno Untuk Meninggikan Kesan Pengajaran Bahasa Cina". *Jurnal Bahasa Moden*, Jilid 2 Bil 1, Januari 1984: hal. 9-10.

pelajar Melayu, 4 ribu daripadanya ialah pelajar India.<sup>13</sup> Menurut laporan terbaru yang dikemukakan oleh beliau, pelajar bukan Cina di sekolah rendah Cina telah meningkat ke 32203 orang. Antaranya 25095 terdiri daripada kaum bumiputera, diikuti dengan kaum India iaitu 5375 orang dan 1733 orang kaum yang lain.<sup>14</sup>

Ekoran daripada kepesatan ekonomi di Asia Pasifik dan kemunculan Negeri China sebagai tunjang ekonomi kepada negara-negara lain di Asia Pasifik, pentingnya bahasa Cina memang tidak dapat dinafikan. Timbalan Perdana Menteri Dato Anwar Ibrahim telah mengakui pentingnya pelajaran bahasa Cina. Menurut beliau, di negara-negara Asia Pasifik yang mempunyai beberapa bilion orang Cina dan ekoran daripada kepesatan ekonomi di Asia Pasifik, seseorang yang mempunyai pengetahuan bahasa Cina akan lebih beruntung dalam urusan perniagaan. Dengan itu, beliau telah menggalakkan rakyat Malaysia belajar bahasa Cina selain daripada bahasa ibunda masing-masing.<sup>15</sup> Selain itu, Menteri Pembangunan dan Perusahaan Dato Sri Ling Keng Yit mengatakan bahawa

---

<sup>13</sup> "Terdapat 16000 Orang Bukan Kaum Cina Mempelajari di Sekolah Rendah Cina, Masa Depan Pendidikan Cina Semakin Mencerah". *Sin Chew Jit Poh*, 12hb Ogos, 1992.

<sup>14</sup> Hou Yalun. "Bilangan Murid-Murid Kaum Bukan Cina Meningkat Melebihi 3 juta Di Sekolah Rendah Cina". *Sin Chew Jit Poh*, 8hb, Julai, 1994:hal. 1

<sup>15</sup> Zhang Qihua. "Menguasai Bahasa Cina Menguntungkan". *Sin Chew Jit Poh*, 4hb March, 1994:hal. 3.

perkembangan pesat Asia Pasifik dan pembukaan Negeri China akan menyebabkan bahasa Cina menjadi bahasa antarabangsa pada masa akan datang.<sup>16</sup>

Pentingnya bahasa Cina yang diakui oleh pemimpin-pemimpin negara kita telah menimbulkan minat pengkaji dalam mengkaji pelajar-pelajar terutamanya pelajar Melayu dalam pembelajaran bahasa Cina. Ini adalah kerana sejak kebelakangan ini, terdapat kecenderungan orang-orang Melayu belajar bahasa Cina. Menurut laporan Nanyang Siang Pao (1994), terdapat seramai 500 orang pelajar Melayu di sebuah sekolah agama Pulau Pinang telah menunjukkan minat yang mendalam dalam pelajaran bahasa Cina.<sup>17</sup> Tambahan lagi, menurut Dr. Taib Omar, ketua pengarah Institut Mara, pelajar-pelajar bumiputera yang tidak dapat menguasai tiga jenis bahasa seperti yang dikuasai oleh kebanyakan orang Cina ketinggalan dalam merebut peluang ekonomi jika dibandingkan dengan orang Cina. Keadaan ini wujud kerana peniaga-peniaga luar negeri lebih suka berniaga dengan mereka yang mengetahui bahasa ibunda mereka.<sup>18</sup>

---

<sup>16</sup> "Perkembangan Asia Pasifik dan Pembukaan Negeri China akan Menyebabkan Bahasa Cina Menjadi Bahasa Antarabangsa Pada Masa akan Datang ". *Sin Chew Jit Poh*, 11hb November, 1992: hal 4.

<sup>17</sup> Wang Wan, Huang Meiwei, "500 Orang Pelajar Mempelajari Bahasa Cina di Sekolah Menengah Agama ". *Nanyang Siang Pao*, 3hb April, 1994: hal 5.

<sup>18</sup> "Bumiputera Tidak Mengambil Berat Tentang Bahasa Ketiga Telah

Pentingnya bahasa Cina bukan sahaja menarik ibubapa Cina menghantar anak-anak mereka ke sekolah rendah Cina bahkan juga ibubapa bukan keturunan Cina. Walaupun terdapat ramai kaum Melayu yang menunjukkan minat terhadap bahasa Cina dan sistem "汉语拼音" 'Hànyǔ pīnyīn" digunakan bagi memperlancarkan proses pembelajaran bahasa Cina sebagai bahasa sasaran, tetapi jarang terdapat orang yang boleh menguasainya dengan baik. Tidak dapat dinafikan bahawa kebanyakan orang termasuk kaum Cina sendiri kurang yakin dalam menguasai bahasa Cina. Sebab utama ialah bahasa Cina itu sukar dikenal, dibaca dan ditulis.<sup>19</sup>

Walaupun sukatan pelajaran bahasa Cina di Malaysia mementingkan membaca, mendengar dan menulis, tetapi kebanyakan mereka hanya mahir dalam bidang pertuturan dan pendengaran. Dengan kata lain, apa yang dipelajari hanya dapat mencapai tujuan komunikasi. Aspek penulisan sering diabaikan. Penulisan adalah proses pemikiran yang penting dan kesilapan merupakan satu bahagian yang utama dalam proses belajar menulis. Maka, mustahaklah kita

---

Membazirkan Tujuan Dasar Ekonomi Baru ". *Sin Chew Jit Poh ( Metro Edition)*, 20 hb . November, 1992: hal 1.

<sup>19</sup> Tong, Sem Ting. "Weisheme Xian Xue Pinyin Wenzizhe Yao Xue Hao Huawen Bijiao Kunnan? -Wo Zai Malaixiya Suo Guancha Dao De 为什么先学拼音文字者要学好华文比较困难-我在马来西亚所观察到的 "dalam Tong , Sem Ting dan Ng, Pek Hoon. *Op Cit.* hal. 45.

memberi perhatian yang teliti terhadap kesilapan-kesilapan, mengesan punca-puncanya dan mentafsirkannya secara tepat dan seterusnya menunjukkan cara-cara pembetulan yang berkesan untuk membantu pelajar-pelajar mengatasi masalah ini.<sup>20</sup>

### **1.3 Objektif Kajian**

Objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti jenis-jenis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu peringkat darjah empat, lima dan enam di sekolah rendah Cina setelah mereka mempelajari bahasa Cina secara formal selama empat hingga enam tahun.

Tujuan utama kajian ini adalah seperti berikut :

- i) Menganalisis kekerapan kesilapan dan mengkategorikan jenis-jenis kesilapan yang umum dilakukan oleh pelajar-pelajar Melayu di sekolah rendah Cina pada peringkat darjah empat, lima dan enam melalui data karangan dan ujian peperiksaan.

---

<sup>20</sup> Elaine Morais. "Suatu Pendekatan Progresif Terhadap Kesilapan-Kesilapan dan Peranan Pembetulan Sendiri di Dalam Perkembangan Kemahiran Menulis". *Jurnal Bahasa Moden*, Jilid 1, Julai 1983: hal. 101.

- ii) Mengenalpasti punca-punca utama yang menyebabkan kesilapan-kesilapan ini berlaku sama ada diakibatkan oleh gangguan, pemindahan negatif, terjemahan secara langsung dari bahasa ibunda, kelemahan dalam pembelajaran, kesukaran sifat semulajadi yang terdapat dalam bahasa Cina atau teknik pengajaran yang bercela.
- iii) Membandingkan peringkat kecekapan yang telah dicapai oleh pelajar-pelajar antara peringkat darjah empat, lima dan enam.
- iv) Mencadangkan alternatif penyelesaian masalah-masalah kesilapan untuk membantu pelajar-pelajar mengenali kesilapan-kesilapan mereka dan memahami sebab-sebab yang menyebabkan kesilapan itu berlaku dan cuba membetulkannya.
- v) Kajian ini dapat menemui faktor-faktor yang berkaitan dengan kejayaan dan kegagalan dalam pembelajaran bahasa Cina oleh pelajar-pelajar Melayu.

#### **1.4 Pentingnya Kajian**

Memandangkan kepada situasi pembelajaran bahasa Cina sebagai bahasa sasaran (di kalangan pelajar-pelajar Melayu), kajian ini adalah amat penting kerana sehingga hari ini tidak ada kajian tentang analisis kesilapan karangan dalam bahasa Cina di kalangan pelajar-pelajar Melayu di negara kita. Pengkaji berharap kajian ini membolehkan para pelajar menguasai bahasa Cina dengan lebih yakin serta mengeluarkan buah fikiran mereka dalam bahasa Cina.

Pada keseluruhannya, walaupun kajian ini mungkin tidak akan menyelesaikan semua masalah dalam pembelajaran bahasa sasaran, tetapi kajian ini dapat menjadi salah satu cara yang membolehkan pelajar-pelajar Melayu mempertingkatkan kemahiran dalam bahasa Cina dengan meneliti kesilapan-kesilapan yang dilakukan dalam karangan serta kertas peperiksaan yang diperlengkapkan oleh mereka. Kajian ini bukan hanya memberi tumpuan kepada kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh para pelajar, malahan sebenarnya cuba memastikan peringkat kecekapan pada keseluruhan yang telah dicapai oleh seseorang pelajar pada masa kajian itu dibuat. Dengan itu suatu pendekatan yang sesuai dapat dicadangkan kepada guru bahasa Cina agar pengajaran dan pembelajaran yang

lebih berkesan dapat dijalankan. Seperti apa yang dikatakan oleh Pit Corder, guru-guru adalah paling nyata menerima manfaat daripada analisis kesilapan. Mereka akan lebih mengetahui dan menyusun strategi-strategi pengajaran mereka. Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar boleh dijadikan maklumbalas keberkesanan teknik mengajar dan menunjukkan prestasi pelajar dalam pelajaran.<sup>21</sup> Kajian ini dapat membantu pihak Kementerian Pelajaran dan guru mengenalpasti sukatan pelajaran yang akan dilaksanakan dengan lebih berkesan dan sempurna. Pihak Kementerian dan guru boleh membuat keputusan sama ada meneruskan strategi pengajaran yang sedia ada atau mengubahsuaikan teknik pengajaran yang sedia ada dengan mengadakan langkah-langkah pembaharuan tertentu.

Di samping membantu pihak Kementerian Pendidikan dan guru-guru, kajian ini secara tidak langsung juga dapat membantu pelajar-pelajar mencapai kelulusan yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR. Kajian ini juga membantu pihak Pusat Perkembangan Kurikulum dalam menentukan sukatan pelajaran bahasa Cina yang melibatkan pengukuran kemahiran penulisan bagi mereka yang mempelajari bahasa Cina sebagai bahasa sasaran.

---

<sup>21</sup> S. P. Corder . "The Study of Learners' Language: Error Analysis" dalam *Introducing Applied Linguistics*. England: Penguin Education 1973: hal.265.

## **1.5 Definisi Konsep**

Dalam tesis ini, konsep-konsep yang digunakan adalah seperti berikut :

- i) Analisis kesilapan - Analisis kesilapan dalam kajian ini merujuk kepada teknik untuk mengukur kemajuan belajar bahasa dengan mencatat dan mengklasifikasikan kesalahan-kesalahan yang dibuat oleh seseorang atau kelompok.<sup>22</sup>
- ii) Bahasa ibunda - Bahasa ibunda yang digunakan dalam kajian ini merujuk kepada bahasa Melayu yang merupakan bahasa pertama bagi subjek.
- iii) Bahasa Sasaran - Bahasa sasaran pula merujuk kepada bahasa Cina yang dipelajari oleh subjek secara formal di sekolah

---

<sup>22</sup> Harimurti Kridalaksana. *Kamus Linguistik*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia, Anggota IKAPI, 1982: hal 11.

rendah Cina sebagai bahasa kedua atau ketiga.

### **1.6 Tinjauan Terhadap Kajian Yang Berkaitan**

Banyak kajian terhadap Analisis Kesilapan telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negeri. Terdapat pengkaji-pengkaji dari luar negeri seperti Suhne (1923), Willing (1926), La Brant (1933), Jones Idris Wyn (1958), Wyatt (1972), Ho Wah Kam (1973), Jain (1974), Bhatia (1976), Smitlies dan Holzknecht (1981), Lam Shun Ling (1981) dan lain-lain. Pengkaji-pengkaji dalam negeri pula adalah seperti Sufian (1968), Alias Shamsuddin (1969), Yap Soon Hock (1973), Zhakariah b. Putih (1978), Kadir Bin Amin (1981), Ramiah Hj Sabra (1983), Abdul Wahid bin Fakat (1988), Padmanaban Nair (1990), Choong Kee Foong (1993) dan lain-lain. Kebanyakan daripada kajian mereka adalah bertujuan untuk meneliti bentuk, kekerapan, dan jenis-jenis kesilapan yang dilakukan di samping mengesan punca-puncanya.

Suhne pada tahun 1923 <sup>23</sup> membuat kajian terhadap karangan yang ditulis oleh murid-murid gred 3 hingga 6 di

---

<sup>23</sup> Raminah Hj. Sabran. *Satu Analisis Nahu Penutur Jati Bahasa Melayu di Kalangan Guru Pelatih*. Fakulti Pendidikan , Universiti Malaya, 1983: hal.54.

sekolah New Orleans. Didapati jenis kesilapan umum yang dilakukan ialah dari segi bentuk dan sintaksis. Wyatt (1972)<sup>24</sup> pula dalam kajiannya telah menetapkan skop kajian yang tertentu, iaitu karangan yang dianalisis adalah mengikut 14 kategori iaitu kesilapan ejaan, struktur ayat, golongan perkataan, kesilapan akibat kekeliruan, pengulangan kelalaian dan sebagainya. Hasil kajian menunjukkan pelajar-pelajar banyak membuat kesilapan ejaan (18.4%), diikuti oleh struktur ayat (16.6%), penggunaan kata nama dan kata kerja yang masing-masing berjumlah 16.0%.

Walau bagaimanapun dalam kajian Ho Wah Kam (1973)<sup>25</sup> ke atas pelajar-pelajar Cina yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua didapati kesilapan bahasa yang terbanyak dilakukan ialah kesilapan penggunaan kata kerja. Dapatannya disokong oleh dapatan Tsan Sui Huang (1974). Dalam kajian Tsan Sui Huang, beliau juga mendapati selain daripada kesilapan penggunaan kata kerja, kesilapan penggunaan kata nama juga banyak dilakukan oleh pelajar.

---

<sup>24</sup> Wyatt Victor. " An Analysis of Error in Composition Writing". *English Language Teaching Journal*, Vol.27, 1972 : hal.177-186.

<sup>25</sup> Ho, Wah Kam. " An Investigation of Error English Composition of Some Pre University Student in Singapore With Suggestion for the Teaching of Written English". *RELC Journal*, Vol. 4, 1973 : hal.48- 65

Hasil kajian Ho Wah Kam (1973)<sup>26</sup> dan Tsan Sui Huang (1974)<sup>27</sup> tidak disokong oleh Smilties dan Holzknecht (1981)<sup>28</sup>, serta Lam Shun Ling (1981)<sup>29</sup>. Daripada kajian mereka ke atas karangan pelajar, apa yang didapati ialah kesilapan artikel adalah paling banyak dilakukan oleh pelajar. Smitlies dan Holzknecht (1981)<sup>30</sup> melanjutkan analisisnya menunjukkan kesilapan yang kedua banyak dilakukan oleh pelajar-pelajar ialah kesilapan penggunaan kata sendi dan diikuti oleh penggunaan kata kerja.

Jain pada tahun 1974<sup>31</sup> telah menjalankan kajiannya yang membuktikan bahawa kesilapan pelajar bahasa kedua bukan sepenuhnya disebabkan oleh gangguan daripada bahasa ibunda. Beliau berpendapat bahawa kelemahan penguasaan bahasa sasaran adalah akibat daripada terlalu banyak

---

<sup>26</sup> *Ibid.*

<sup>27</sup> Tsan, Sui Huang. *A Contrastive Analysis of the Syntactic Error in English Made by Chinese Students and its Implication for the Teaching of English Syntax to Chinese*. Michigan:Ann Arbor. 1974.

<sup>28</sup> Smithies and S. Holzknecht. "Error in Papua New Guinea Written English at the Tertiary Level". *RELC Journal* , Vol.12, Disember 1981 : hal. 10- 34.

<sup>29</sup> Lam, Shun Ling. *An Analysis of Error Made of Chinese Learners at the Tertiary Level*. M.A Thesis. National University of Singapore, 1981.

<sup>30</sup> Smithies dan S. Holzknecht. *Loc. Cit.*

<sup>31</sup> M. P .Jain. "Errors : Source, Cause and Significance". *Journal of the School of Language*, Jawaharlal Nehru University, Monsoon, 1974: hal. 43-68.

membuat generalisasi dan strategi pengajaran yang tidak betul. Jones Idris Wyn (1959) <sup>32</sup> dalam meninjau dan menganalisis kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh kanak-kanak Cina yang berumur 7 hingga 12 tahun dalam pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua, beliau mendapati pengajaran guru-guru bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang dikaji tidak produktif, kekurangan bahan pengajaran dan kanak-kanak tidak dilatih berfikir dalam bahasa Inggeris. Keadaan ini telah menyebabkan kanak-kanak banyak melakukan kesilapan bahasa. Ini dapat dibuktikan melalui ayat-ayat yang dibentuk oleh kanak-kanak adalah berupa ayat-ayat terjemahan. Setelah belajar bahasa Inggeris selama enam tahun, kanak-kanak masih tidak boleh membentuk ayat-ayat yang mudah.

Richards (1971)<sup>33</sup> telah menyelidik kesilapan-kesilapan bahasa Inggeris yang telah dilakukan oleh penutur-penutur bahasa Jepun, Cina Maori, Malteze, orang-orang India dan orang-orang Afrika Barat. Beliau meneliti punca-punca kesilapan yang lazim terdapat di kalangan pelajar yang mempelajari sesuatu bahasa sebagai bahasa kedua. Beliau merumuskan punca-punca kesilapan kepada empat jenis iaitu

---

<sup>32</sup> I. W. Jones . *A Study of Difficulties Encountered in the Learning of English by Pupils Whose First Language is Chinese*. London : University of London. 1959.

<sup>33</sup> J. C. Richards. " A Non- Contrastive Approach to Error Analysis ". *English Language Teaching*, Vol.25 Number 3, June 1971 : hal.204-219.

(i) generalisasi melampau (ii) kejahilan tentang batasan-batasan peraturan bahasa (iii) penerapan peraturan-peraturan bahasa yang tidak sempurna dan (iv) membentuk hipotesis dengan konsep yang salah.

Kajian ke atas Analisis Kesilapan juga banyak dilakukan oleh pengkaji dalam negeri. Kadir Amin (1981)<sup>34</sup> telah menjalankan kajiannya ke atas 75 orang murid yang belajar di darjah enam Sekolah Kebangsaan Meleket dan Sekolah Kebangsaan Paya Dalam Melaka. Subjek dikehendaki menulis satu karangan dan dua ujian tatabahasa yang bertujuan untuk menguji penggunaan tanda bacaan, penggunaan huruf besar dan penggunaan imbuhan. Dari data karangan. didapati 54.74% merupakan kesilapan ejaan, dan 21.22% merupakan kesilapan huruf besar diikuti oleh 20.37% kesilapan tanda bacaan, 3.68% kesilapan imbuhan. Manakala ujian tatabahasa mununjukkan kesilapan yang tertinggi ialah kesilapan tanda bacaan (62.54%), diikuti oleh kesilapan penggunaan imbuhan (25.12%), kesilapan huruf besar (12.34%). Beliau mendapati bahawa faktor dwibahasa dan faktor status sosial ekonomi merupakan dua faktor yang utama menpengaruhi perkembangan bahasa kanak-kanak.

---

<sup>34</sup> Kadir Amin. Satu Analisis Kesilapan Penggunaan Bahasa Malaysia Murid-Murid Darjah Enam di Dua Buah Sekolah Rendah di Melaka. Tesis M. Ed., Universiti Malaya, 1981.

Yap Soon Hock (1974)<sup>35</sup> dalam kajiannya mengenai bentuk-bentuk kesilapan yang dilakukan oleh murid-murid peringkat empat, lima dan enam di Sekolah Rendah Sri Petaling. Kesilapan yang dilakukan dalam karangan Inggeris mereka terbahagi kepada 5 iaitu pembentukan kata (49.89%), ejaan (14.3%), tanda bacaan (14.1%), struktur ayat (12.55%) dan penggunaan huruf besar (9.09%). Beliau mendapati bahawa peringkat darjah tidak mempengaruhi kesilapan pembentukan kata, struktur ayat dan tanda bacaan. Kesilapan ejaan semakin berkurangan apabila peringkat darjah meningkat.

Alias Shamsuddin (1969)<sup>36</sup> membuat analisis dari segi nahu dan pembendaharaan kata terhadap 200 buah karangan bahasa Melayu yang ditulis oleh pelajar-pelejar tingkatan lima dari sekolah menengah Inggeris dan sekolah menengah Cina di beberapa buah sekolah di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Perak, Seremban dan Melaka. Didapati bahawa 88% daripada kesilapan merupakan kesilapan nahu, 5% kesilapan ayat, 4% kesilapan klausa dan 3 % kesilapan penggunaan

---

<sup>35</sup> Yap, Soon Hock. An Investigation of Error in Composition Written by Standard Four, Five and Six in Primary School. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, 1974.

<sup>36</sup> Alias Shamsuddin. An Investigation in the Error of Chinese Speakers in Malay Written Composition and Their Implication for the Effective Teaching of Malay as A Second Language. Unpublished M. Phil Thesis, Microfilm, University of London, 1969.

perkataan. Beliau menyimpulkan bahawa punca utama kesilapan ialah gangguan bahasa ibunda, kaedah pembelajaran dan pengajaran yang kurang berkesan serta akibat daripada kekeliruan analogi bentuk-bentuk yang telah mereka pelajari.

Analisis Kesilapan nahu tidak berhenti setakat itu sahaja . Pada tahun 1983, Raminah Hj Sabran <sup>37</sup> membuat kajian analisis kesilapan nahu di kalangan guru pelatih yang baru berada di maktab selama 4 bulan. Contohan diminta membuat 3 karangan yang panjangnya 250 perkataan. Didapati bahawa 77.9% daripada kesilapan nahu yang dilakukan ialah struktur ayat, pembentukan rangkaikata, penggunaan perkataan dan sendi. Kesilapan yang paling tinggi kekerapannya ialah kesilapan penggunaan perkataan iaitu sebanyak 25.8%, diikuti oleh pembentukan rangkaikata (22%), struktur ayat (19.5%) dan penggunaan sendi (10.6%).

Padmanabhan Nair (1990)<sup>38</sup> membuat kajian ke atas 120 pelajar tingkatan empat dan lima di Kuantan dan Pahang.

---

<sup>37</sup> Raminah Hj. Sabran. Satu Analisis Kesilapan Nahu Penutur Jati Bahasa Melayu di Kalangan Guru Pelatih. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Malaya, 1983.

<sup>38</sup> Padmanabhan Nair. An Analysis of Error in the English Compositions of Malay Student in Malaysian Secondary Schools . Tesis M.A. , Pusat Bahasa, Universiti Malaya, 1990.

Dapatannya menunjukkan kesilapan-kesilapan kata kerja dibahagi kepada empat kategori iaitu :

- i) Kesilapan Bentuk Perkataan (*Wrong Form Error*).  
(52.42%)
- ii) Kesilapan Perkataan Tercicir(*Omission Error*).  
(34.88%)
- iii) Kesilapan Perkataan Berlebihan(*Insertion Error*)  
(12.9%)
- iv) Kesilapan susunan perkataan (*Word Order Error*)  
(0.61%)

Berdasarkan kepada kajian luar negeri dan kajian dalam negeri, didapati kajian luar negeri mempunyai skop yang lebih luas jika dibandingkan dengan kajian dalam negeri. Kebanyakan kajian luar negeri berhubung dengan analisis kesilapan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kajian dalam negeri pula kebanyakannya mereka menumpukan perhatian kepada pelajar-pelajar yang mempelajari bahasa Inggeris dan bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua. Data kajian kebanyakannya adalah kerja bertulis, terutamanya dalam bentuk karangan. Jarang terdapat kajian yang menyentuh tentang analisis kesilapan dalam bahasa Cina.